

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	24 MARCH 2017

## Tun M miliki kuasa 'veto'?

Sinar Harian – 24 Mac 2017

KOTA BHARU - Pas tidak menolak kemungkinan beberapa tindakan dan keputusan dibuat oleh Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad punca kerjasama Pas dan Bersatu putus.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, walaupun jawatannya sebagai pengerusi, bekas Perdana Menteri itu dikatakan mempunyai kuasa eksekutif dalam pentadbiran parti itu.

“Bersatu ni ada dua, pengerusi ada, presiden (Tan Sri Muhyiddin Yassin) ada, pengerusi ada kuasa eksekutif, dalam Majlis Tertinggi mereka, pengerusi (Mahathir) jadi pengerusi mesyuarat.

“Kita nampak konflik pendirian pengerusi dan presiden. Sebelum ini, presiden, timbalan dan naib ada berbincang dengan kita tetapi Mahathir tidak,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah umum, malam kelmarin.

Beliau berkata, pendekatan pengerusi dan presiden juga berbeza apabila Mahathir sentiasa berada di pentas Pakatan Harapan, sebaliknya Muhyiddin berada di pentas Pas.

“Namun apa-apa keputusan akhirnya akan ditentukan Mahathir sendiri. Jadi apabila Bersatu buat keputusan sertai Pakatan Harapan, segala rundingan, kerjasama antara kedua-dua parti itu tamat,” katanya.

Pas sebelum ini memuktamadkan pendirian tidak menjalinkan kerjasama dengan Bersatu selepas parti itu sah menyertai pakatan Harapan.

Dalam perkembangan lain, Takiyuddin berkata, komitmen Kerajaan Pusat membentangkan sendiri Rang Undang-undang Persendirian (RUU 355) bakal memberi peluang lebih cerah usul tersebut akan diluluskan.

“Usul pindaan ini juga akan lebih mudah dibentangkan kerana hanya perlu melalui bacaan kali pertama dan bacaan kali kedua untuk undian, berbanding jika dibawa wakil pembangkang yang perlu notis 14 hari dan sebagainya,” katanya.

Sumber: [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)